

TIMBANGTARA DALAM INDUSTRI PEMBINAAN DENGAN TUMPUAN
KHAS KE ATAS KOS TERSEMBUNYI TIMBANGTARA DAN TAHAP
PENGETAHUAN MENGENAI TIMBANGTARA

LAI CHIEW FOONG

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan ijazah Sarjana
Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MAC, 2003

TIMBANGTARA DALAM INDUSTRI PEMBINAAN DENGAN TUMPUAN
KHAS KE ATAS KOS TERSEMBUNYI TIMBANGTARA DAN TAHAP
PENGETAHUAN MENGENAI TIMBANGTARA

LAI CHIEW FOONG

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan ijazah Sarjana
Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MAC, 2003

ABSTRAK

Timbangtara merupakan satu kaedah penyelesaian pertikaian di dalam industri pembinaan yang paling kerap diamalkan di Malaysia. Jadi, kajian ke atas timbangtara, kos-kos tersembunyi timbangtara dan tahap pengetahuan mengenai timbangtara adalah diperlukan. Objektif kajian ialah mengenalpasti kos tersembunyi timbangtara dan juga mengenalpasti tahap pengetahuan pihak-pihak yang terlibat dalam industri pembinaan mengenai timbangtara. Skop kajian adalah tertumpu kepada borang kontrak PAM 98, Peraturan-peraturan Timbangtara PAM dan juga kes-kes yang berkaitan. Kajian ini dijalankan di Johor Bahru melibatkan Arkitek, Jurukur Bahan, Jurutera dan Kontraktor yang berdaftar sebagai kelas G7 dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Untuk mencapai objektif penyelidikan, penulis telah menggunakan beberapa metodologi penyelidikan seperti yang dibincangkan dalam bab satu. Data-data akan dikumpul melalui soal selidik dan juga temubual bebas. Kaedah analisis data yang digunakan ialah “*Statistical Package For Social Science*” (SPSS). Kesimpulannya, penulis telah mencapai kedua-dua objektif kajian. Kos-kos tersembunyi timbangtara ialah kos yang diperlukan untuk memperolehi keputusan, kos pembuktian, kos gangguan, *self-education cost*, kos gangguan emosi, kos kehilangan peluang, kos kehilangan hubungan perniagaan, kos sementara menunggu keputusan timbangtara, kos risiko kekalahan, penyalahgunaan prosidur pernyataan kes, skop perjanjian timbangtara dan kesibukan. Daripada analisis data, didapati bahawa tahap pengetahuan responden mengenai timbangtara di kawasan Johor Bahru adalah mencukupi. Penulis berharap kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada para pembaca.

ABSTRACT

Arbitration is a dispute resolution method, which is most popular in construction industry Malaysia. So, it is necessary to do a research on arbitration, hidden costs of arbitration and the level of knowledge about arbitration. Research objective is to identify the hidden cost of arbitration and to identify the level of knowledge of the parties in construction industry about arbitration. Research scope is PAM 1998 Standard Form of Contract, PAM Arbitration Rules and related cases. This research is carried out in the surrounding area of Johor Bahru and focus to Architect, Quantity Surveyor, Engineer and Contractor Grade 7, which is register with the Construction Industry Development Board Malaysia (CIDB). Some research methodologies had been used to achieve the research objective as discuss in chapter one. Data will collect through questionnaire and free interview. Researcher used the statistical package for social science (SPSS) to analyze data. In conclusion, the two objectives have been achieved. The hidden costs of arbitration are getting to a decision costs, proofing cost, distraction costs, self-education costs, emotional wear and tear costs, lost opportunity costs, business relationship costs, pending arbitration costs, risk of loss costs, abuse of case stated procedure, the scope of arbitration agreement and busy. From the analyze data, researcher had found that the level of knowledge of arbitration for the respondents in Johor Bahru area is adequate. Researcher hopes that this research could be a guideline to other readers.